

# Warta CERMAT

Bil. 61 Tahun 6

Januari 1999

ISSN 0128-8431

## PULAUKAN BARANG MAHAL

**M**usim perayaan sudah tiba. Dalam kesibukan pengguna menguruskan persiapan Hari Raya, ada pula peniaga yang mengambil

Permintaan terhadap bahan-bahan mentah, terutamanya kelapa untuk membuat kuih-muih serta hidangan lain semakin tinggi semasa perayaan. Pada bulan ini, banyak aduan dan sungutan diterima daripada pengguna tentang harga kelapa dan santan yang sudah melambung tinggi. Harga sebiji kelapa telah naik dari 80 sen kepada RM 1.20 hingga RM 1.40 sen. Malah, ada juga pengguna yang mengadu kelapa dijual pada harga RM 2.30 sebiji.


Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, YB. Dato' Seri Megat Junid Megat Ayob menyarankan kepada pengguna supaya memulaukan peniaga yang menjual kelapa pada harga yang terlalu tinggi.



YB. Dato' Seri Megat Junid Megat Ayob

kesempatan mengaut keuntungan berlebihan dengan menaikkan harga barang sewenang-wenangnya.

**Kelapa:**  
Jadilah pengguna yang bijak. Elakkan membeli (kelapa) jika harganya melambung naik.



## Bekalan Daging dan Ayam Mencukupi

**P**engguna yang akan menyambut Hari Raya Puasa tidak perlu bimbang tentang bekalan daging dan ayam kerana Kerajaan telah meningkatkan bekalan kedua-dua barang tersebut.



Menurut Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, 21 juta ayam akan disediakan untuk menampung permintaan sepanjang musim Hari Raya. Beliau memberitahu bahawa pembekal ayam dari Kelantan dan Perlis telah memaklumkan Kementerian bahawa mereka akan mengimport ayam dari Negara Thai.

"Saya difahamkan oleh pengimport daging bahawa mereka juga telah meningkatkan pengimportan daging dari India supaya bekalan mencukupi," jelas Dato' Seri Megat Junid Megat Ayob. - WC

## Sambutlah Secara Sederhana

**T**ahun 1999 sudah tiba. Kita semakin hampir dengan alaf baru. Semakin banyak cabaran menanti kita.

Pada bulan ini, kaum Muslimin dan Muslimat

mengerjakan ibadat berpuasa. Pelbagai juadah disediakan untuk hidangan berbuka puasa. Adakala, terlalu banyak hidangan disediakan atau dibeli sehingga tidak habis dimakan dan terpaksa dibuang. Memang benar bahawa sewaktu lapar, kita bercenderung membeli lebih banyak makanan dari yang sebenarnya diperlukan. Pengguna harus mengingatkan diri sendiri akan maksud di sebalik puasa dan kurangkan pembelian atau makan berlebihan. Elakkan membazir makanan.

Hari Raya Aidilfitri hampir menjelang. Pengguna yang beragama Islam pastinya sibuk membuat persiapan menyambut Hari Raya. Kedai-kedai dan pusat membeli-belah menawarkan pelbagai promosi untuk menarik pembeli. Pelbagai pakaian, hiasan serta juadah ditawarkan untuk jualan. Walaupun keadaan ekonomi masa ini tidak sebaik dua tahun lalu, namun penjual masih cuba memikat pelanggan, masih cuba memujuk pelanggan untuk membeli.

Walau macam mana sekalipun, keadaan ekonomi, pengguna masih perlu menyambut Hari Raya. Sewaktu Hari Rayalah kaum keluarga serta sahabat handai berkumpul untuk memesrakan lagi hubungan antara mereka. Sudah tentulah perbelanjaan yang lebih perlu dikeluarkan untuk

menyediakan makanan, pakaian dan perhiasan rumah.

Namun, pengguna perlu bertindak bijak dan membeli barang-barang selepas membandingkan harga dan kualiti barang-barang.

Pengguna harus mengelakkan dari membeli barang-barang keperluan lebih dari yang diperlukan. Jangan bimbang tentang bekalan barang keperluan. Sikap pengguna yang cenderung membeli jauh lebih dari keperluan semasa boleh menyebabkan kekurangan sementara sesuatu barang.

Tidak kira apa pekerjaan anda, apa status anda atau di mana anda menyambut Aidilfitri, yang penting sekali ialah anda menghayati amalan baik di sebalik Hari Raya. Ingatlah bahawa selepas Hari Raya, anda masih perlu meneruskan tugas dan tanggungjawab anda. Jangan terlalu boros atau terlalu kedekut dalam menyambut perayaan. Sambutlah secara sederhana di samping keluarga.

*Selamat Hari Raya  
Aidilfitri*

*Sidang Pengarang*

### SIDANG REDAKSI

**Penasihat**

YB. Dato' Seri Megat Junid  
Megat Ayob  
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna*

**Ketua Pengarang**

Y.Bhg. Dato' Pahamin A. Rajab

**Penasihat Pengarang**

Prof. Dato' Dr. Sothi Rachagan  
Prof. Mohd Hamdan Adnan

**Pengarang**

Khairuddin Hj. Mohd Sari  
Zulkipli Abu Bakar

**Penolong Pengarang**

Abdul Rauf Sani  
P. Jayanthi

**Pengedar: FOMCA**

Warta CERMAT merupakan projek usahasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan FOMCA dan diterbitkan secara bulanan. Sumbangan rencana, berita dan surat boleh dihantar kepada:

**Ketua Pengarang  
Warta CERMAT**

Kementerian Perdagangan Dalam  
Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,  
Bahagian Hal Ehwal Pengguna,  
Tingkat 32, Menara Dayabumi,  
Jalan Sultan Hishamuddin,  
Kuala Lumpur  
Tel: 03-2742100  
Fax: 03-2747628

## Persiapan Menjelang Hari Raya

**H**ari Raya Aidilfitri hampir menjelang tiba. Ramai pengguna sibuk membuat persiapan menyambut perayaan tersebut. Pengguna harus menggunakan setiap ringgit yang ada untuk membuat perbelanjaan sebaik mungkin.

Seperti juga perayaan-perayaan lain, menjelang Hari Raya bermakna pelbagai persiapan perlu dibuat. Tidak kira sejauh mana meriah sambutan, namun ada sahaja perbelanjaan yang perlu dibuat.

Berikut ialah beberapa panduan untuk pengguna berbelanja secara berhemah sewaktu musim perayaan.

### Persiapan Rumah

✓ Gantikan langsir sedia ada dengan yang baru hanya sekiranya langsir tersebut tidak dapat digunakan lagi dan anda mampu menanggung perbelanjaan. Kalau anda berkebolehan menjahit, belilah kain dan jahit sendiri.

✓ Sarung kerusi kusyen

dan kain alas meja perlu diganti jika perlu. Buat perbandingan harga dan kualiti sebelum membeli.

### Pakaian

✓ Tentukan berapa pakaian baru yang hendak dibeli untuk setiap anggota keluarga. Buat



**Berbelanjalah secara berhemah, terutama ketika musim perayaan. Elakkan pembaziran.**

senarai sebelum membeli-belah dan jangan beli lebih daripada dalam senarai walaupun tawaran di kedai-kedai menarik.

✓ Beli pakaian yang bersaiz besar sedikit daripada saiz anak. Kanak-kanak membesar dengan cepat.

### Makanan

✓ Buat senarai kuih-muih yang hendak disediakan.

✓ Kurangkan kuih-muih

yang mengandungi banyak gula atau santan kelapa. Ubahsuai resipi supaya menggunakan kurang gula dan ganti santan kelapa dengan susu cair, di mana sesuai.

✓ Tentukan hidangan yang perlu disediakan pada Hari Raya. Cuba anggarkan bilangan tetamu. Jangan masak berlebihan. Makanan seperti daging cepat basi dan tidak dapat disimpan lama.

✓ Elakkan menghidang minuman berkarbonat untuk tetamu. Lebih baik sekiranya anda sediakan minuman barli atau kordial buah.

✓ Sebelum pergi membeli-belah eloklah sediakan belanjawan Hari Raya. Tentukan barang-barang yang perlu dibeli dan mampu dibeli berdasarkan wang yang ada. Elakkan berhutang, sama ada dengan orang lain atau kad kredit semata-mata kerana hendak menyambut perayaan dengan meriah.

## AWAS! MENGGUNA KAD KREDIT

**A**dakah anda berbelanja melebihi kemampuan anda? Kementerian Kewangan telah mengeluarkan kenyataan bahawa hutang bertunggak bagi pinjaman kad kredit sehingga 31 Ogos lalu berjumlah RM 663 juta. Setakat bulan September lalu, sebanyak 205,985 kad kredit telah dibatalkan oleh institusi perbankan. Jumlah kad kredit yang berada dalam edaran sebanyak 2.026 juta. Sekiranya anda pemegang kad kredit,

gunalah kad tersebut dengan bijak.

Dalam pada itu, pengguna dinasihatkan supaya memusnahkan slip urusan penggunaan kad kredit jika tidak memerlukannya. Pembuangan sewenang-wenangnya slip urusan kad kredit boleh merugikan anda kerana butir-butir pada slip tersebut seperti nama, nombor kad kredit dan tarikh luput boleh digunakan untuk melakukan pembelian palsu menerusi Internet.

*Masalah pengguna sekarang ialah mereka enggan mengubahsuai amalan-amalan hidup mengikut keperluan semasa.*

*Umpamanya, saranan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna supaya barang-barang tertentu yang melambung tinggi harganya dipulaukan kurang mendapat sambutan daripada kalangan pengguna.*

# Pengguna Perlu Bersatu

**S**eperti kata pepatah "Bersatu Teguh, Bercerai Roboh", tindakan pengguna sebagai kumpulan yang bersatu mempunyai kuasa besar dalam mempengaruhi harga. Oleh kerana dalam pasaran bebas, harga ditentukan oleh permintaan dan penawaran (bekalan), maka pengguna berkeupayaan menentukan harga barang dan perkhidmatan. Namun, di negara ini, nampaknya kurang kerjasama di kalangan pengguna. Apabila harga sesuatu barang melambung naik, mereka yang mampu

terus membeli. Golongan pengguna yang kurang mampu pula masih membeli tetapi mereka menyuarakan rungutan

dan rasa tidak puas hati.

Masalah pengguna sekarang ialah mereka enggan mengubahsuai amalan-amalan hidup mengikut keperluan semasa. Umpamanya, saranan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna supaya barang-barang tertentu yang melambung tinggi harganya dipulaukan kurang mendapat sambutan daripada kalangan pengguna.

Ada pengguna yang menyatakan mereka terlalu sibuk dan tidak mempunyai masa untuk membuat perbandingan harga sebelum membeli. Ada juga pengguna yang berkata mereka tidak mempunyai pilihan tetapi terpaksa membeli kelapa pada harga yang diminta penjual.

Respon daripada pengguna agak mengecewakan. Maklumbalas mereka membayangkan keengganan untuk mengubah amalan demi kepentingan bersama. Semua orang adalah pengguna. Apa salahnya bekerjasama sebagai pengguna untuk menurunkan harga sesuatu barang.

Sebenarnya, hasrat Kementerian meminta pengguna memulaukan



*Permintaan yang tinggi terhadap barangan, terutama ketika musim perayaan, tidak seharusnya digunakan oleh para peniaga untuk mengaut keuntungan berlebihan.*

peniaga yang menjual barang pada harga yang terlampau tinggi ialah supaya permintaan dapat dikurangkan dalam tempoh jangka pendek. Apabila peniaga sedar bahawa permintaan berkurangan, kemungkinan besar, harga akan turun. Inilah kekuatan pengguna yang amat perlu digunakan supaya terlepas daripada belunggu dan karehah peniaga yang hanya mahukan keuntungan sebanyak mungkin.

Semasa musim perayaan tahun ini, masalah kenaikan harga kelapa telah menjadi isu hangat di kalangan pengguna, terutamanya mereka yang menyambut Hari Raya Puasa. Kuih-muih dan masakan tradisional tempatan banyak menggunakan kelapa dan santan sebagai ramuan. Walaupun harga kelapa dan santan telah melambung naik, pengguna masih terus membeli seperti biasa. Alasannya, mereka perlu memasak

hidangan terbuka dan kuih-muih Hari Raya yang menggunakan kelapa.

Untuk Hari Raya Puasa ini, sekiranya harga kelapa terlalu tinggi, pengguna haruslah bertindak bijak dan mengubahsuai resipi serta membuat pilihan

yang bijak dalam menyediakan hidangan untuk keluarga dan tetamu.

Dalam menyediakan makanan, pilihlah hidangan yang tidak menggunakan santan atau kelapa parut. Untuk resipi yang menggunakan santan, campurkan santan dengan susu cair atau gantikan santan dengan susu cair. Kurangkan santan dalam masakan. Pengurangan santan dalam



*Para pengguna harus bijak menggunakan kuasa beli mereka untuk menentukan harga-harga barangan di pasaran.*

masakan bukan sahaja akan menjimatkan perbelanjaan di samping menstabilkan bekalan, ia juga baik untuk kesihatan.

Kelapa dan santan bukanlah barang makanan keperluan asas. Cuma pengguna yang telah sekian lama mengamalkan diet yang kaya dengan santan kelapa. Gunakanlah masalah kenaikan harga kelapa sebagai alasan untuk mengurangkan santan demi menjaga kesihatan.

*Resipi*

## Apam

### Bahan-bahan

- 160 gm tepung beras
- 30 gm gula
- 10 gm tapai pulut
- Sedikit (1/4 sudu kecil) Eno
- 2 gelas air sejuk

**Cara Menyediakannya:** Satukan tepung beras dengan gula dan air. Campurkan tapai pulut dan gaulkan dengan menggunakan alat pengisar (blender). Biarkan sekurang-kurangnya 4 jam. Campurkan Eno dan kacau perlahan-lahan sehingga adunan sebati. Jika mahu, anda boleh membahagikan adunan kepada dua dan mencampurkan warna yang berlainan. Tuang adunan sehingga separuh penuh ke dalam acuan. Kukus sehingga masak. Keluarkan dari acuan apabila sejuk dan hidang.

## Kari Ikan Tanpa Santan

### Bahan-bahan

- 700 gm bawal hitam - bersihkan dan potong
- 120 gm serbuk kari ikan - campurkan dengan air (pekat)

- 6 bawang merah kecil
- 4 ulas bawang putih
- 20 gm asam jawa - campurkan dengan air
- 2 sm halia
- 2 sudu besar minyak masak
- 2 sudu besar tepung susu - campurkan dengan air
- Sedikit garam

**Cara Menyediakannya:** Tumbuk bawang merah, bawang putih dan halia sehingga lumat. Panaskan minyak dan tumis bahan yang ditumbuk. Campurkan serbuk kari dan kacau. Masukkan air asam dan susu yang dicairkan. Kacau selalu hingga mendidih. Masukkan ikan dan biarkan hingga masak. Campurkan garam hingga cukup rasa.

# Ubah Lokasi Perhentian Bas

Buat masa ini, kebanyakan bas menggunakan Hentian Puduraya sebagai terminal bas. Pengguna menghadapi masalah untuk menggunakan Hentian Puduraya, terutama pada waktu sesak kerana hentian tersebut terletak di sebelah bawah tanah bangunan menyebabkan asap terperangkap di dalamnya.

Semasa hujung minggu dan musim perayaan, keadaan Hentian Puduraya semakin sesak. Jalan masuk ke terminal terganggu kerana jumlah bas terlalu banyak. Keadaan ini boleh menjejaskan kesihatan dan keselesaan pengguna yang menggunakan pengangkutan awam.

Saya mencadangkan supaya:

- Satu analisa kadar karbon monoksid sewaktu sesak di Hentian Puduraya dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar.

- Memindahkan stesen bas ke kawasan-kawasan tertentu mengikut zon, iaitu:

- Stesen bas ke Zon Selatan mengguna Lebuh raya dipindahkan ke sekitar Tasik Selatan atau Bukit Jalil. Tempat letak kereta yang luas lagi kosong di Bukit Jalil selepas SUKOM

boleh menjadi satu lokasi alternatif.

- Stesen bas ke Zon Utara dipindahkan ke sekitar Batu Caves, Sentul atau Rawang.

- Stesen bas ke Jalan Lama Seremban dipindahkan sekitar Cheras atau turut menggunakan stesen bas di sekitar Tasik Selatan atau Bukit Jalil dan selanjutnya menggunakan jalan llingkaran tengah ke jalan lama tersebut.

Cara perhubungan yang dicadangkan ke stesen bas adalah melalui perkhidmatan LRT atau komuter dan tiketnya hendaklah disatukan.

Penubuhan terminal mengikut zon dapat mengambilkira aspek kesihatan atau kebersihan alam sekitar, mengurangkan kesesakan bandaraya dan mempercepatkan perjalanan disebabkan bas-bas tidak terlibat dengan kesesakan jalanraya dan seterusnya membolehkan perjalanan bas diatur mengikut jadual. Penggunaan sistem transit aliran ringan seperti LRT dan komuter akan digunakan secara maksima.

*Ahmad Hj. Lasim  
Kuala Lumpur*



**Kurangkan penggunaan gula,  
jagalah kesihatan.**

CERMAT Januari 1999

## MEMBERSIHKAN RUMAH DENGAN SELAMAT

**R**umah kita perlu dibersihkan kerap supaya kita dapat hidup dalam persekitaran yang sihat dan selesa. Ada di antara kita yang mempunyai kulit yang sensitif dan mudah bertindakbalas dengan cecair pencuci kimia. Ada juga pengguna yang peka dengan bau tajam yang dikeluarkan oleh pencuci komersil. Tahukah anda bahawa terdapat petua-petua dapur yang dapat membantu membersihkan rumah dengan selamat?

Berikut ialah beberapa panduan mudah membersihkan rumah dengan menggunakan bahan-bahan yang boleh diperolehi dari dapur. Panduan ini dipetik dari buku *Guide to Hazardous Products Around the House* oleh Goodman, Merril dan Steinwachs.

→ Elakkan membersih tingkap kaca ketika matahari memancar dengan terik kerana haba matahari mengeringkan permukaan dengan cepat dan meninggalkan tanda berjalur.

→ Ketika mencuci tingkap, gosoklah dengan gerakan ke atas dan ke bawah pada sebelah

bahagian dan gerakan dari tepi ke tepi untuk menentukan bahagian mana yang memerlukan lebih banyak gilapan.

**Cuka** - Bersihkan tingkap dan kaca dengan menggunakan campuran cuka putih dan air suam dengan kadar

yang sama banyak. Keringkan dengan kain yang lembut untuk mendapatkan hasil tanpa kesan berjalur. Untuk menghapuskan tanda-tanda yang degil, gunakan cuka yang tidak dicairkan.

**Tepung Jagung dan Cuka** - Campurkan tiga sudu besar tepung jagung dan setengah cawan cuka putih ke dalam segelas air yang agak panas. Sapukan pada permukaan kaca dan lap hingga kering.

**Perahan Lemon** - Campur satu sudu besar jus lemon dalam satu kuart air. Sapukan ke permukaan yang hendak dibersihkan dan lap hingga kering.



**Soda kueh** - Untuk membersihkan cermin atau kaca, taburkan sedikit soda kueh pada kain dan cuci cermin. Bilas dengan air bersih dan gosok atau gilap dengan kain lembut.

**Ubat gigi** - Untuk menghilangkan calar-calar pada tingkap dan kaca, sapukan sedikit ubat gigi dan gilap dengan sehelai kain lembut.

**Membersihkan Mangkuk Tandas** Soda kueh dan cuka - Taburkan soda kueh ke dalam mangkuk tandas dan kemudian taburkan pula cuka. Gosok dengan berus tandas.

### Mengharumkan rumah

**U**ntuk mengharumkan rumah, masukkan beberapa helai daun pandan di dalam satu pasu atau jag yang berisi air. Daun-daun tersebut kekal segar dan harum. Masukkan sedikit garam atau ubat nyamuk Agate dalam air tersebut.

### Petua Kecantikan Semulajadi

**M**enegangkan kulit muka yang kendur: Campurkan beberapa minyak zaitun bersama bahagian kuning dari sebiji telur dan sedikit yis segar. Sapu pada muka dan biarkan selama 15-20 minit dan cuci.

**M**elembapkan kulit kering: Bersihkan kulit sebiji pisang yang masak dan ranum dan potong kecil-kecil. Masukkan ke dalam separuh cawan susu segar dan biar sebati. Simpan di dalam peti sejuk sebelum menyapukan sebatian tadi ke atas muka. Biarkan selama 20 minit dan cuci.

**P**enyegar dari air buah: Campurkan setiap satu sudu kecil air timun, tomato, air limau nipis dan air tembikai. Pedapkan ke muka dengan kain kapas.

Disenaraikan nombor telefon Bahagian-bahagian dan Pejabat-pejabat Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Pejabat-pejabat Penguatkuasa di ibu negeri merupakan urusetia Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri (MHEPN). Sekiranya anda memerlukan maklumat atau nasihat, sila hubungi Pejabat Cawangan berhampiran di kawasan anda.

**Bahagian Penguatkuasa:**

Bilik Gerakan K. Lumpur 03-4436888/03-4437888  
 Wilayah Persekutuan K. Lumpur 03-4423555  
 Kuala Lumpur (Ibu Pejabat) 03-4433366

Perlis		Johor		Bahagian Harta Intelek		Pejabat-Pejabat	
Kangar:	04-9761478	Johor Bahru:	07-2234699	K. Lumpur		<b>Pendaftaran Perniagaan</b>	
<b>Kedah</b>		Kluang:	07-7736877	(Ibu Pejabat)	03-2742100	K. Lumpur	
Alor Star:	04-7339062	Muar:	06-9522709	Kota Kinabalu	088-233571	(Ibu Pejabat) 03-4433366	
Sg. Petani:	04-4213400	Mersing:	07-7994211	Kuching	089-428499	Alor Setar 04-7318277	
Langkawi:	049660420	<b>Pahang</b>		<b>Bhg. Hal Ehwal</b>		Butterworth 04-3327793	
<b>Pulau Pinang</b>		Kuantan:	09-556948	Pengguna	03-2742100	Ipoh 05-2547913	
P.Pinang:	04-2616168	Temerloh:	09-2961688	<b>Bhg. Perdagangan</b>		Kota Bharu 09-7484599	
Seberang Prai:	04-3317500	Raub:	09-3551670	<b>Dalam</b>		Kuantan 09-553600	
<b>Perak</b>		<b>Terengganu</b>		<b>Negeri</b>	03-2742100	K. Terengganu 09-6237170	
Ipoh:	05-2555001	K. Terengganu:	09-6221234	<b>Pejabat-Pejabat</b>		Johor Bharu 09-2244710	
Taiping:	05-8075044	Kemaman:	09-8591919	<b>Pendaftaran Syarikat</b>		Melaka 06-2821822	
Teluk Intan:	05-6227967	<b>Kelantan</b>		K. Lumpur			
<b>Selangor</b>		Kota Bharu:	09-7481117	(Ibu Pejabat)	03-4433366		
Shah Alam:	03-5595544	Kuala Krai:	09-9666368	Alor Setar	04-7330111		
Kajang:	03-8367444	<b>Sabah</b>		P. Pinang	04-3332081		
K.Kubu Baru:	03-8042495	K.Kinabalu:	088-235702	Ipoh	05-2416900		
<b>Wilayah Persekutuan</b>		Sandakan:	089-668291	Kuantan	09-553866		
K.Lumpur:	03-4423555	Tawau:	089-776690	Kota Bharu	09-7482860		
Labuan:	089-417669	<b>Sarawak</b>		Kota Kinabalu	088-233346		
<b>N. Sembilan</b>		Kuching:	082-245202	Kuching	082-428499		
Seremban:	06-7630911	Sibu:	084-331931	Labuan	087-414100		
Melaka:	06-2820422	Miri:	085-412862				
Melaka:	06-2820422	Bintulu:	086-332176				

**No. Telefon/Faks Persatuan Pengguna**

**Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)**

Tel: 03 - 7762009/7774741  
 Faks: 03 - 7771076  
 E-Mail : fomca@po.jaring.my

**Persatuan Pengguna-Pengguna Perlis (CAP)**

Tel: 04 - 9764136  
 Faks: 04 - 9770788

**Persatuan Pengguna Kedah (CAKE)**

Tel: 04 - 7711645  
 Faks: 04 - 7711645

**Persatuan Pengguna-Pengguna Perak (PCA)**

Tel: 05 - 2534058  
 Faks: 05 - 2534058  
 E-Mail : PCKA@po.jaring.my

**Persatuan Pengguna Selangor dan Wilayah Persekutuan (PPS & PPWP)**

Tel: 03 - 7752005  
 Faks: 03 - 7757699

**Persatuan Pengguna Melaka (CAM)**

Tel: 06 - 2839718/719  
 Faks: 06 - 2839711

**Persatuan Pengguna-Pengguna Terengganu (2PTRG)**

Tel: 09 - 6220045  
 Faks: 09 - 6220045

**Persatuan Pengguna-Pengguna Kelantan (KCA)**

Tel: 09 - 7444828  
 Faks: 09 - 7479798

**Persatuan Konsumer Negeri Sembilan**

Tel: 06 - 7639473

**Persatuan Pengguna Pahang (PAC)**

Tel: 09 - 5146693  
 Faks: 09 - 5143307

**Persatuan Pengguna-Pengguna Johor (JCA)**

Tel: 07 - 2222764

**Persatuan Pengguna-Pengguna Sabah (CASH)**

Tel: 088 - 234616  
 Faks: 088 - 234616

**Persatuan Pengguna Bahagian Kuching (PERPEK)**

Tel: 082 - 684920

**Persatuan Pengguna Negeri Pulau Pinang (CAP)**

Tel: 04 - 2293511  
 Faks: 04 - 2298106



BUATAN MALAYSIA

**Belilah Barangan Buatan Malaysia**